

BERITA HARIAN

DATE: 2/1/2010

Tok Mat bukukan amanat terakhir

Rais sempat diberi tanggungjawab sebar catatan perjuangan kepada rakyat

KUALA LUMPUR: Amanat terakhir Tan Sri Mohamed Rahmat, dua hari sebelum pergiannya ke Rahmatullah, semalam adalah untuk melihat buku tulisan pertama dan terakhirnya, *Umno: Akhir Sebuah Impian* dibaca rakyat peringkat akar umbi bagi memahami erti perjuangan parti keramat Umno.

Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata hasrat bekas Menteri Penerangan dan bekas Setiausaha Agung Umno itu diluahkan kepadanya pada pertemuan hampir sejam di pejabat kementerian, pada Rabu lalu.

Mohamed katanya, mahu buku catatan bergambar 170 muka surat yang dihasilkan dalam hampir setahun itu diedarkan secepat mungkin kepada rakyat menerusi lebih 1,000 perpustakaan desa selain di pasaran sejak dilancarkan dua bulan lalu.

"Beliau minta buku nostalgianya yang mengandungi

pengalaman dalam parti dan kerajaan itu diedarkan di Perpustakaan Negara dan perpustakaan desa seluruh negara dan saya akan cuba untuk memenuhi impian Tok Mat (Mohamed).

"Dia kata perjuangan budak muda sekarang tidak macam dulu, yang kini lebih menuju kepada aspek kehidupan lain dan mahu rakyat menilai dan menghayati erti perjuangan menerusi buku seperti itu.

"Tok Mat minta saya dan kementerian terus memainkan peranan dalam menyegarkan perjuangan orang Melayu dan menjayakan 1Malaysia," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas pertemuan terakhir dengan rakan baiknya itu yang lebih dikenali dengan Tok Mat, baru-baru ini sebelum Mohamed meninggal dunia di kediamannya di Bukit Damansara di sini, kira-kira jam 8 pagi semalam.

Rais berkata, Mohamed kelihatan terhibur dan sangat



MOHAMED selaku Setiausaha Agung Umno bersama Presiden, Tun Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung parti 1992.

ceria serta tidak menunjukkan perubahan yang ketara.

"Tak nampak perubahan tapi bila bercakap agak perlahan sikit tak seperti biasa cakap cepat, sekejap-sekejap dia pegang tongkat. Tapi saya ingat biasalah sebab dia pegang tongkat sudah lama.

"Saya sedih sebab sahabat veteran lama yang berganding dengan saya meninggal. Namun Alhamdulillah saya dapat jumpa dan sentiasa berdoa terbaik untuknya," katanya selepas menziarahi jenazah Allahyarham.

Rais berkata, dalam masa dua bulan setengah ini, beliau bertemu Mohamed tiga kali dengan pertemuan pertama di Angkasapuri diikuti pada majlis pelancaran buku *Umno: Akhir Sebuah Impian* di pejabatnya di Bangunan Sultan Abdul Samad.

"Tok Mat kata rindu sangat nak tengok pejabat lamanya di Angkasapuri dan beliau meninjau pejabatnya yang saya duduki sekarang. Saya tak ubah apa pun, be-

gitu juga gambarnya di galeri masih ada," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata hasil penulisan Allahyarham perlu dijadikan panduan semua ahli Umno.

"Dua minggu lalu, kami makan bersama dan arwah berpesan kepada saya dan ahli Umno jadikan buku itu panduan selepas beliau tiada supaya parti kembali teguh seperti zaman kegemilangannya.

"Saya harap hasil yang ti-

"Tok Mat minta saya dan kementerian supaya terus memainkan peranan dalam menyegarkan perjuangan orang Melayu dan jayakan 1Malaysia"

Dr Rais Yatim
Menteri Penerangan,
Komunikasi, Kesenian
dan Kebudayaan

dak ternilai itu dimanfaatkan sebaik mungkin oleh ahli Umno," katanya.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata perkenalannya hampir 20 tahun dan pernah berkhidmat lima tahun bersama Allahyarham cukup memberi kesan kepada dirinya.

"Sikap dedikasi terhadap parti dan kementeriannya sangat tinggi seolah-olah hampir separuh kehidupannya dihabiskan pada kerjanya.

"Banyak pembaharuan yang dibawa dalam kementeriannya termasuk pendigitalan dan melahirkan usahawan perfileman di negara ini. Usaha yang dilakukan itu bukan suatu perkara senang sekiranya tiada komitmen penuh," katanya.

Beliau berkata, usaha yang dilakukan itu dapat dirasakan rakyat Malaysia apabila kini mempunyai segala kemudahan saluran termasuk TV3 dan Astro serta kepelbagaian maklumat komunikasi.



MOHAMED sanggup meredah banjir tinjau keadaan rakyat.